



**PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM E-TRAINING BERASASKAN
NOSS FORMAT BAHARU BAGI PUSAT BERTAULIAH DI BAWAH
SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA.**

27 November 2014

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	2
2.0	TAFSIRAN.....	2
3.0	SENARAI RINGKASAN	3
4.0	POLISI PELAKSANAAN E-TRAINING	4
4.1	Skop	4
4.2	Polisi Am	4
4.3	Koswer	4
4.4	Platform e-Training.....	5
5.0	PELAKSANAAN LATIHAN MELALUI E-TRAINING	5
5.1	Kurikulum latihan.....	5
5.2	Kelengkapan Peralatan Dan Bahan Latihan.....	6
5.3	Tempoh Latihan	6
5.4	Pelaksanaan <i>Core Abilities</i>	7
5.5	Pengrekodan	8
5.6	Penilaian Dan Verifikasi.....	8
5.7	Persijilan Pelatih.....	9
6.0	JAMINAN KUALITI PELAKSANAAN LATIHAN SECARA E-TRAINING	9
7.0	TARIKH KUAT KUASA.....	11

1.0 PENDAHULUAN

- i. Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada Pusat Bertauliah (PB) dalam pelaksanaan program e-Training di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).
- ii. Panduan ini ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah seksyen 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].
- iii. Panduan ini menggantikan aspek pelaksanaan teori yang terkandung di dalam Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan bertarikh 15 Mac 2012

2.0 TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

“kurikulum” ertinya kandungan anjuran suatu program latihan yang telah dibuat berdasarkan NOSS oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti, dan turutannya;

“Standard” ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652;

“program” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam daftar Standard;

“penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain- lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak NOSS berkaitan;

“**Sijil**” ertinya Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34 Akta 652;

“**pentauliahan**” ” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“**program bertauliah**” ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;

“**personel pentauliahan**” ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai pengurus pusat bertauliah, pegawai pengesah dalaman atau pegawai penilai, yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“**penilaian akhir**” ertinya peperiksaan yang diadakan di akhir sesuatu program merangkumi kedua-dua bahagian teori dan praktikal.

“**E-Training**” ertinya pembelajaran yang dijalankan secara atas talian yang dibangunkan melalui Perjanjian Konsesi Penswastaan E-Training.

“**Penyedia Perkhidmatan E-Training**” ertinya syarikat yang telah dilantik di bawah Perjanjian Konsesi Penswastaan E-Training.

“**E-Portfolio**” ertinya portfolio yang boleh disediakan secara atas talian.

3.0 SENARAI RINGKASAN

DKM	-	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	-	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
KAPPK	-	Kod Amalan Pentauliahan Program Kemahiran
KPPK	-	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran

JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
SKPK	-	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
NOSS	-	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PB	-	Pusat Bertauliah
PLK	-	Penyedia Latihan Kemahiran
PP	-	Pegawai Penilai
PPB	-	Pengurus Pusat Bertauliah
PPD	-	Pegawai Pengesah Dalam
PPL	-	Pegawai Pengesah Luar
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
SPKM	-	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
WIM	-	Bahan Pembelajaran Bertulis yang terdiri daripada Kertas Penerangan, Kertas Tugas, Kertas Kerja dan Pelan Pembelajaran bagi komponen Teori dan Praktikal.

4.0 POLISI PELAKSANAAN E-TRAINING

4.1 Skop

Pelaksanaan e-Training di bawah SPKM adalah terpakai untuk penilaian **kerja kursus teori sahaja**.

4.2 Polisi Am

JPK tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan pihak ketiga kepada PB yang melaksanakan e-Training jika berlaku pertikaian yang melibatkan aspek perundangan.

4.3 Koswer

Mana-mana PB yang berhasrat membangunkan koswer hendaklah mendapat kelulusan JPK terlebih dahulu. Koswer yang dibangunkan hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- Kandungan hendaklah memenuhi keperluan ***National Occupational Skills Standards (NOSS)***.
- Koswer hendaklah memenuhi **SCORM atau standard e-Learning** yang berkaitan.
- Struktur hendaklah dibangunkan mengikut prinsip rekabentuk pengajaran (*instructional design*) yang bersesuaian dengan **pembelajaran sendiri**.

- Setiap koswer merujuk kepada **Competency Unit (CU)** iaitu modul lengkap yang tersendiri (*independent modul*) sejajar dengan NOSS yang telah dibangunkan.
- Koswer yang **interaktif** mestilah terdiri daripada gabungan teks, video, grafik, audio, animasi, simulasi, voice over dan lain-lain.
- Bahan yang digunakan **tidak melanggar hakcipta terpelihara** kecuali dengan izin pihak yang berkenaan

4.4 Platform e-Training

Platform e-Training hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- PB hendaklah memastikan keperluan **prasarana** e-Training disediakan.
- **Integrasi** samada secara manual ataupun automatik dengan SKKM.
- Menyokong pembelajaran secara **mobile**.
- Disokong dengan **multi-platform** (Windows, Mac, open source,) dan bergantung kepada keperluan teknologi semasa.
- memenuhi **SCORM** atau **e-learning standard** yang berkaitan.
- Mempunyai kebolehan untuk mengenalpasti pengguna (**user-tracking**) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- **JPK diberi akses** untuk melaksanakan verifikasi secara atas talian termasuk *login* time pelajar.
- **Maklumat pembelajaran** pelajar disimpan mengikut polisi kerajaan.
- Kaedah simpanan melalui tiga (3) fasa iaitu **aktif, hot backup** dan **arkib**.
- Boleh **diekses sepanjang masa** oleh pengguna.

5.0 PELAKSANAAN LATIHAN MELALUI E-TRAINING

Pelaksanaan latihan melalui e-Training merangkumi perkara berikut:

5.1 Kurikulum latihan

5.1.1 Berdasarkan *Curriculum of Competency Unit (CoCU)*, PLK/PB hendaklah **membangunkan Manual Latihan** yang merangkumi perkara berikut:

- i. Carta laluan latihan;
- ii. Bahan Pembelajaran Bertulis (*Written Instructional Material*) bagi semua Unit Kompetensi (*Competency Unit-CU*);
- iii. Dokumen penilaian teori dan amali bagi semua CU untuk penilaian kerja kursus;

- iv. Pakej Pembelajaran Kebolehan Teras (*NCS - Core Abilities*);
 - v. Silibus subjek tambahan bagi program DKM, DLKM dan tahap yang lebih tinggi;
- 5.1.2 PLK/PB hendaklah menyediakan Pelan pelaksanaan latihan, jadual latihan mingguan sepanjang tempoh pelaksanaan program latihan dan jadual penilaian merangkumi penilaian berterusan serta penilaian akhir .
- 5.1.3 Selain penilaian akhir, PLK/PB hendaklah membezakan di antara aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka dengan secara atas talian.

5.2 Kelengkapan Peralatan Dan Bahan Latihan

- 5.2.1 PLK/PB hendaklah menyediakan kemudahan fizikal berdasarkan program yang dipohon merangkumi kemudahan infrastruktur, kelengkapan peralatan dan bahan latihan seperti dinyatakan dalam setiap CU bagi NOSS yang berkaitan.
- 5.2.2 PLK/PB hendaklah menyediakan prasarana yang bersesuaian untuk menyokong pelaksanaan E-Training seperti talian Internet, makmal komputer dan sebagainya

5.3 Tempoh Latihan

- 5.3.1 PLK/PB hendaklah mematuhi tempoh latihan sebagaimana yang dinyatakan dalam NOSS yang tertakluk kepada tempoh latihan minimum.
- 5.3.2 Bagi NOSS yang tidak memenuhi jumlah jam minimum, PLK/PB hendaklah mengambil mana-mana CU dari mana-mana subsektor NOSS yang sama supaya program latihan tersebut mencapai jumlah jam minimum yang ditetapkan.
- 5.3.3 Selaras dengan Dasar e-Pembelajaran Negara Institut Pengajian Tinggi, 2011 seperti di Jadual 1, kaedah latihan yang dikategorikan sebagai e-Training hendaklah melebihi 80% komponen pembelajaran teori secara atas talian.

Jadual 1: Mod Pembelajaran di Malaysia

Mod Pembelajaran	Secara online (%)
Konvensional	<30
Blended Learning	30-80
E-Learning	>80

Jadual 2 menunjukkan contoh pembelajaran secara e-Training bagi program Tahap 1 yang menggunakan 90% pembelajaran secara online.

Tajuk NOSS : Program Tahap 1
 Jumlah Jam : 600 jam
 Komponen teori : 30% x 600 jam = 180 jam
 Komponen amali : 70% x 600 jam = 420 jam

Jadual 2: Mod pembelajaran secara online bagi program Tahap 1

	Teori		Praktikal
	Konvensional	e-Training	
Secara Bersemuka	180 jam	180 x 10% = 18 jam	420 jam
Secara online/ tidak bersemuka	-	180 x 90% = 162 jam	-
Jumlah	180 jam	180 jam	420 jam

5.4 Pelaksanaan *Core Abilities*

5.4.1 Kaedah penyampaian latihan dan penilain *Core Abilities* adalah merujuk kepada Panduan Perlaksanaan *National Competency Standard (NCS) - Core Abilities* bertarikh 09 Mac 2007.

5.4.2 Keputusan TERAMPIL akan diberi jika calon memenuhi perkara berikut:

- i. Penilaian teori : mendapat markah minimum 50% bagi setiap modul dalam *Core Abilities*; dan

- ii. Penilaian amali : mendapat keputusan minimum Skala 3 bagi setiap Abiliti pada Borang penilaian prestasi NCS-*Core Abilities* (JPK/CA/01) mengikut tahap bagi setiap CU. (Perkara 6.4.2 (ii) diatas membatalkan Perkara 3.6.5(b) dalam Panduan Pelaksanaan *National Competency Standard (NCS) - Core Abilities* bertarikh 09 Mac 2007)

5.5 Pengrekodan

5.5.1 Semua keputusan dan bukti penilaian yang dibuat untuk Kerja Kursus direkodkan di dalam E-Portfolio secara atas talian dan akan dikemaskini secara automatik berdasarkan perkembangan pembelajaran setiap pelajar merangkumi perkara berikut:

- i. Competency Profile Chart (CPC) bagi program NOSS;
- ii. Carta profil *Core Ability*;
- iii. Carta laluan latihan bagi program NOSS;
- iv. Matriks *Core Ability* (jika berkenaan);
- v. Rekod Pencapaian Kumulatif (RPK) bagi program NOSS format baharu;
- vi. Rekod Pencapaian Kumulatif (RPK) bagi *Core Ability*;
- vii. Bukti pencapaian bagi semua aktiviti kerja (*work activities*) yang telah dinilai berdasarkan *Competency Unit* (CU); dan
- viii. Borang penilaian prestasi NCS-*Core Ability* (JPK/CA/01) mengikut tahap yang dinilai bagi setiap CU.

5.5.2 Mengemaskini dan menyimpan rekod kehadiran dan penilaian pelatih sekurang-kurangnya dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh tamat latihan.

5.6 Penilaian Dan Verifikasi

5.6.1 Memastikan semua urusan penilaian, verifikasi dalaman dan luaran diselesaikan sebelum pelatih menamatkan latihan;

5.6.2 Pelaksanaan penilaian adalah merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa;

- 5.6.3 Mengemukakan permohonan lawatan verifikasi PPL sepertimana digariskan dalam Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa.

5.7 Persijilan Pelatih

- 5.7.1 Mengemukakan permohonan pengeluaran sijil beserta dokumen seperti berikut:

- i. Surat iringan dari PB;
- ii. Borang permohonan pengeluaran sijil NOSS format baharu (JPK/P3(T1003));
- iii. Salinan resit dan bukti pendaftaran (JPK/T1002);
- iv. Surat kelulusan pentauliah program di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia, JPK; dan
- v. Maklumat pelatih dalam bentuk *Soft-copy (Microsoft Office Excel)* menggunakan CD-R berdasarkan format yang telah dimuat turun dari laman web rasmi JPK.

- 5.7.2 Memastikan sijil diserahkan kepada pelatih setelah tamat tempoh latihan tanpa mengenakan apa-apa syarat.

- 5.7.3 Calon hanya dianugerahkan sijil bagi program NOSS yang didaftarkan beserta Transkrip setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa.

6.0 JAMINAN KUALITI PELAKSANAAN LATIHAN SECARA E-TRAINING

Dengan pelaksanaan e-Training, walaupun jam bersemuka bagi pembelajaran teori berkurangan, namun jaminan kualiti tidak terjejas. Perbandingan antara jaminan kualiti secara konvensional dan melalui aplikasi e-Training adalah seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3 : Jaminan Kualiti Pelaksanaan Latihan Secara e-Training

Kriteria	Jaminan Kualiti Semasa	Jaminan Kualiti Menggunakan e-Training																
1. Penyeliaan	Diselia oleh PP secara bersemuka dalam kelas	Diselia oleh PP secara atas talian.																
2. Kehadiran	Sekurang-kurangnya 90% bagi melayakkan menduduki penilaian akhir	<p>Kehadiran diukur melalui log aktiviti pelajar di mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Interaksi atas talian seperti forum, <i>chatting</i>, messaging, video <i>conference</i> dan lain-lain adalah sebahagian daripada log aktiviti. • Melalui e-training, kehadiran adalah 100% kerana pelajar perlu melengkapkan senarai aktiviti pembelajaran yang telah ditetapkan. • Pelajar yg tidak mencapai masa penggunaan yang ditetapkan berdasarkan log aktiviti akan dihalang daripada menduduki penilaian kerja kursus. 																
3. Kerja Kursus	<p>Kerja kursus adalah 40% diurus oleh PB/PLK secara keseluruhan manakala 60% penilaian akhir dikawal secara berpusat oleh JPK.</p> <p><u>Tahap 1-Tahap 3</u></p> <table border="1" data-bbox="411 1686 1010 1921"> <thead> <tr> <th></th> <th>Kerja Kursus (%)</th> <th>Final Exam (%)</th> <th>Jumlah (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Teori</td> <td>10</td> <td>20</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>Amali</td> <td>30</td> <td>40</td> <td>70</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>40</td> <td>60</td> <td>100</td> </tr> </tbody> </table>		Kerja Kursus (%)	Final Exam (%)	Jumlah (%)	Teori	10	20	30	Amali	30	40	70	Jumlah	40	60	100	Pendekatan yang sama digunapakai tetapi melibatkan penilaian Kerja Kursus teori iaitu 10% untuk Tahap 1-Tahap 3 dan 15% untuk Tahap 4 dan Tahap 5
	Kerja Kursus (%)	Final Exam (%)	Jumlah (%)															
Teori	10	20	30															
Amali	30	40	70															
Jumlah	40	60	100															

Kriteria	Jaminan Kualiti Semasa	Jaminan Kualiti Menggunakan e-Training																				
	<u>Tahap 4 & Tahap 5</u> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Kerja Kursus (%)</th> <th>Final Exam (%)</th> <th>Jumlah (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Teori</td> <td>15</td> <td>15</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>Amali</td> <td>25</td> <td>25</td> <td>50</td> </tr> <tr> <td>Projek Akhir</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>20</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>40</td> <td>60</td> <td>100</td> </tr> </tbody> </table>		Kerja Kursus (%)	Final Exam (%)	Jumlah (%)	Teori	15	15	30	Amali	25	25	50	Projek Akhir	-	-	20	Jumlah	40	60	100	
	Kerja Kursus (%)	Final Exam (%)	Jumlah (%)																			
Teori	15	15	30																			
Amali	25	25	50																			
Projek Akhir	-	-	20																			
Jumlah	40	60	100																			
4. Rekod Pembelajaran	Didokumenkan dalam portfolio	disimpan secara atas talian (e-Portfolio)																				
5. Penilaian	Dijalankan di PB/PLK sahaja	Di PB/PLK ataupun secara atas talian																				
6. Verifikasi	Melalui PV-N yang perlu hadir ke PB/PLK untuk menyemak portfolio selepas proses pembelajaran berlaku.	Verifikasi JPK oleh PV-N boleh dilakukan sepanjang masa tanpa perlu hadir ke PB/PLK.																				

Oleh itu, pelaksanaan e-Training melebihi 80% secara online bagi komponen teori masih dijamin kualiti pelaksanaannya.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Panduan pentauliahan dan pelaksanaan berasaskan noss format baharu bagi pusat bertauliah di bawah sistem persijilan kemahiran malaysia melalui kaedah E-Training ini mula berkuatkuasa pada **27 November 2014**.

**Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
27 November 2014**

